
KAEDAH PELAKSANAAN SISTEM DIAT DALAM KES-KES KEMALANGAN JALANRAYA DI MALAYSIA; SATU TINJAUAN AWAL

Method Execution of Diat System in Road Accident Cases in Malaysia; An Initial Review

ⁱLukman b. Abdul Mutalib, ⁱⁱMuhammad Aunurrachim bin Mas'ad, ⁱⁱⁱResali Muda, ^{iv}Zulkifli Hasan, ^vLukmanul Hakim Hj Hanafi

ⁱ(Corresponding Author) Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78000, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +6019-2116145, Email: lukman@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78000, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +60162889577, Email: aunn25@usim.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78000, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +60193800451, Email: resali.muda@usim.edu.my

^{iv}Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78000, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +60163379776, Email: zulkiflih@usim.edu.my

^vPensyarah, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78000, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +60132116656, Email: lukmanul@usim.edu.my

ABSTRAK

Salah satu perkara yang menjadi topik besar di Malaysia sekarang ini ialah kadar kemalangan jalan raya yang sangat tinggi. Secara ringkasnya terdapat 2 isu utama dalam tajuk ini, iaitu isu kemalangan dan isu pampasan. Melihat kepada isu kemalangan, satu kajian oleh ESCAP (Economic and Social Commission for Asia and the Pacific) iaitu satu badan di bawah kelolaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pembangunan alam sekitar di Asia Pasifik menunjukkan Malaysia mencatatkan jumlah kemalangan maut tertinggi di

dunia dan tempat ketiga bagi kemalangan jalan raya secara umumnya. Satu kajian lain juga menunjukkan lebih 85 peratus punca kemalangan adalah disebabkan oleh sikap pemandu atau pengguna jalan raya itu sendiri. Berhubung isu pampasan, menurut statistik Ops Sikap 24, 62% daripada mereka yang terlibat dengan kemalangan maut adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Rata-rata mangsa adalah masyarakat berpendapatan sederhana dan tidak memiliki insurans. Apabila berlaku kemalangan, mangsa akan menanggung kerugian kerana tiada pampasan untuk mangsa. Sekalipun mereka boleh menuntut pampasan melalui undang-undang Tort, namun ia terpaksa melalui proses yang berasingan dan memerlukan kos tambahan. Akibatnya mangsa kekal dalam keadaan menderita dan haknya terabai. Walaupun berbagai usaha telah dilakukan melalui pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan lain-lain untuk membudayakan pemanduan berhemah, Namun masih belum menampakkan hasil yang memuaskan. Manakala dari aspek pampasan, boleh dikatakan belum ada satu kajian yang konkrit telah dilakukan. Justeru, kajian ini akan meninjau kelebihan sistem diat dalam menangani kedua-dua isu di atas sekali gus merumuskan kaedah pelaksanaan sistem diat di Malaysia. Metodologi kajian berdasarkan kaedah mix metode iaitu temubual pakar dan kajian tinjauan (survei). Sampel kajian terdiri daripada tenaga akademik, para mufti dan ulama, peguam, ahli undang-undang dan orang awam. Teknik persampelan menggunakan kaedah purposive sampling dan simple random sampling procedure. Data dianalisis secara deskriptif dan analisis SPSS. Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden bersetuju sistem diat perlu diperkenalkan di negara ini dengan mewujudkan undang-undang bertulis yang lengkap serta melibatkan semua agensi yang berkaitan bagi memudahkan proses pelaksanaannya

Kata kunci: Takaful, Takaful Diat, insuran kemalangan Islam, pampasan kemalangan, Tort Islam

ABSTRACT

One of the things that became a big topic in Malaysia now is that the accident rate is very high. In summary, there are two key issues in this chapter, namely the issue of accidents and compensation issues. Looking at the issue of an accident, a study by ESCAP showed that Malaysia recorded the highest number of fatal accidents in the world and third place for road accidents in general. Another study also showed that more than 85 per cent of the accidents were caused by drivers or the attitude of road users themselves. On the issue of compensation, according to statistics of Ops Sikap 24, 62% of those involved in fatal accidents were motorcyclists. The average victim is a middle-income community and do not have insurance. When an accident occurs, the victim will suffer losses because there is no compensation for the victims. Even if they can claim compensation through a tort law, but he had to go through a separate process and require additional costs. As a result the victim remains in a state of suffering and neglected their rights. Although various attempts have been made through various government and private agencies such as JPJ, police, LLM and others to cultivate safe driving, but still have not shown satisfactory results. While in terms of compensation, can be said that there has no concrete studies have been conducted. Thus, this study will explore the advantages and compensate system in addressing these two issues above thus formulate the implementation of the diat system in Malaysia. The research methodology is based on the mix method such as expert interviews and survey (the survey). The samples are consisted of academician, muftis, scholars, lawyers, legislators and the public. The sampling technique used is purposive sampling and simple random sampling procedure. Data were analyzed by descriptive and analytical SPSS. The results showed that all respondents agreed that the diat system should be introduced in the country by creating a written law to complete and involve all relevant agencies to facilitate the implementation process.

Keyword(s): Takaful, Diat takaful, Islamic accident insurance, accident compensation, tort Islam

PENDAHULUAN

Diat merupakan salah satu hukuman bagi kesalahan yang berkaitan dengan kemalangan jiwa atau kecederaan. Secara mudah diat difahami sebagai sejumlah bayaran tertentu yang harus diberikan kepada mangsa atau waris mangsa kemalangan mati atau kecederaan akibat dari kecuaian pihak-pihak tertentu (Lukman: 2004).

Diat adalah perkataan terbitan daripada bahasa Arab (*waday*) yang bermaksud hak pihak yang terbunuh. Penggunaan perkataan diat itu sendiri pada asalnya datang dari perkataan *wadyun* (وَدِيْ). Huruf (و) di hadapan perkataan tersebut ditukarkan kepada (ء) sebelum dipindahkan ke belakang, maka jadilah *wadyun* (وَدِيْ) menjadi diat (دِيْ). Contoh yang sama adalah perkataan *wasyyun* (وَشِيْ) menjadi *syiyahun* (شِيْ). Dalam sebuah hadis Rasul (S.a.w) bersabda: فَوَدَهُ مَنْ إِبْلَ الصَّدْقَةِ أَيْ أَعْطَى دِيْتَهُ (al-Juzary, 1979)

Adapun diat dari segi istilah terdapat pelbagai pengertian di kalangan ulama fiqah di mana pada asasnya merujuk kepada maksud ganti rugi (Abu al-Hasan, 1412H). Ulama fiqah yang ada yang mengatakan maksud diat adalah bayaran yang dikenakan kerana melakukan kesalahan membunuh atau mendatangkan kecederaan kepada orang lain (al-Butiy, 1930. Al-Ramly, t.t.).

Meskipun terdapat pelbagai pengertian diat, namun pada asasnya kesemua pengertian tersebut mempunyai maksud yang hampir sama iaitu, sejumlah harta yang wajib dibayar oleh pelaku penjenayah dan diberikan kepada mangsa jenayah atau walinya sebagai hukuman dan pampasan akibat dari sesuatu perbuatan jenayah seperti kesalahan jenayah membunuh atau mencedera anggota badan seseorang dengan cara tidak sengaja (Lukman, 2004). Namun terdapat satu perkara yang patut diberikan perhatian bahawa kebanyakan ulama terdahulu tidak membezakan antara diat jiwa (*diat al-nafs*) dan diat anggota (دِيْ) (الأَطْرَافُ أَوْ دِيْنَ النَّفْسِ) kecuali mazhab Hanafi. Bagi Ulama Hanafi, mereka membezakan antara *diat al-nafs* yang disebut dengan diat dan *diat al-atraf* yang disebut dengan *arsy* (Kamal Jawdah: 1987).

Keperluan kepada pelaksanaan diat

Tidak dapat dinafikan bahwa keperluan masyarakat terhadap pelaksanaan diat merupakan perkara yang harus dipertimbangkan untuk direalisasikan. Islam dengan segala kesempurnaan syariatnya telah pun meletakkan prinsip-prinsip yang berteraskan kepada wahyu Allah (s.w.t) sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekaan seorang hamba yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga simati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekaannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut (hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (al Quran, 4:92)

Sabda Rasul (s.a.w) yang bermaksud:

Diat bagi pembunuhan yang serupa sengaja ialah diat berat sama seperti diat pe bunuhan yang sengaja (yang telah dimaafkan oleh wali mangsa). Dalam kedua-dua keadaan ini pembunuhan tidak dikenakan qisas. (Amr ibn Syu'aib, t.t. Jil 3:95)

Secara tersirat maksud ayat dan hadis tersebut di atas menyatakan dengan jelas akan keperluan dan hukum diat yang merupakan satu bentuk hukuman yang pasti daripada syarak,

kadar hukumannya telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) secara terperinci kecuali pada kesalahan-kesalahan kecil yang diputuskan oleh hakim berdasarkan kepada budi bicara dan kebijaksanaannya. Harta diat adalah hak mangsa atau warisnya. Pihak mangsa berhak untuk mendapatkan pampasan diat atau memaafkannya tanpa sebarang pampasan.

Dari segi rasional, kesalahan berpunca sama ada daripada unsur kesengajaan ataupun tidak sengaja. Majoriti kesalahan tidak sengaja adalah berpunca daripada kecuaian. Daripada kedua-dua sebab tersebut akan memberikan kesan langsung terhadap mangsa seperti tekanan emosi, kecacatan seumur hidup, kematian dan sebagainya. Sungguhpun begitu, kesan langsung yang dapat dilihat dan dirasi dengan mudah adalah punca rezeki akan terganggu. Dalam kesa kemalangan jalan raya, ramai yang menjadi mangsa yang disebabkan oleh kecuaian orang lain. Tidak sedikit mangsa kemalangan jalan raya yang kehilangan punca pendapatan disebabkan kesalahan orang lain tanpa mendapat pampasan dari si pelaku. Mengikut kajian yang dijalankan oleh ESCAP menunjukkan Malaysia mencatatkan jumlah kemalangan maut tertinggi di dunia dan tempat ketiga bagi kemalangan jalan raya secara umumnya. Satu kajian lain juga menunjukkan lebih 85 peratus punca kemalangan adalah disebabkan oleh sikap pemandu atau pengguna jalan raya itu sendiri (Lukman, 2004)

Berkenaan isu pampasan, menurut statistik Ops Sikap 24, 62% daripada mereka yang terlibat dengan kemalangan maut adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Rata-rata mangsa adalah masyarakat berpendapatan sederhana dan tidak memiliki insurans. Apabila berlaku kemalangan, mangsa akan menanggung kerugian kerana tiada pampasan untuk mangsa. Sekalipun mereka boleh menuntut pampasan melalui undang-undang Tort, namun ia terpaksa melalui proses yang berasingan dan memerlukan kos tambahan. Akibatnya mangsa kekal dalam keadaan menderita dan haknya terabai. Walaupun berbagai usaha telah dilakukan melalui pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti JPJ, Polis, LLM dan lain-lain untuk membudayakan pemanduan berhemah. Namun masih belum menampakkan hasil yang memuaskan. Manakala dari aspek pampasan, boleh dikatakan belum ada satu kajian yang konkrit telah dilakukan

(Lukman, 2004). Justeru, kajian ini akan meninjau kelebihan sistem diat dalam menangani kedua-dua isu di atas sekali gus merumuskan kaedah pelaksanaan sistem diat di Malaysia.

Semua fenomena di atas jelas menunjukkan keseriusan tajuk kajian ini. Diat dalam menangani masalah ini mempunyai serampang dua mata, iaitu pertama menghukum penjenayah dengan hukuman yang berat dan kedua, menyediakan pampasan yang setimpal kepada mangsa atau pihak mangsa untuk terus menjalani kehidupan dalam keadaan lebih terjamin. Dalam kesalahan pembunuhan tidak sengaja sebagai contoh, pihak mangsa akan menanggung bebanan yang amat berat terutama sekiranya mangsa itu adalah bap atau ibu atau punca rezeki dalam sesebuah keluarga. Memang benar, jika mereka memiliki perlindungan insurans nasib mereka mungkin lebih baik, tetapi majoriti rakyat tidak memiliki perlindungan insurans. Mungkin kerana tiada kesedaran dan lebih pasti kerana tidak mampu.

Biasanya, apabila berlaku sesuatu kemalangan seperti ini (akibat perbuatan cuai pihak lain), pihak mangsa akan menanggung kesan kemalangan tersebut tanpa pembelaan yang sewajarnya. Lazimnya pihak mangsa akan menanggung seluruh bebanan tersebut. Fenomena ini sebenarnya membebankan mangsa. Ia bukan sekadar terpaksa mengalami kesakitan atau kematian bahkan mengalami kerugian wang ringgit untuk kos perubatan dan sebaginya. Dalam konteks ini kedudukan mangsa seolah-olah teraniaya oleh keadaan. Ia seolah-olah ibarat pepatah Melayu, “Sudah jatuh ditimpa tangga.” Namun ini akan berbeza sekirangan konsep diat diamalkan, kedudukan mangsa akan terbela melalui wang pampasan yang diwajibkan ke atas pihak pesalah. Sekali gus ia dapat mengelakkan daripada berlakunya kejadian mengemis dan merempat serta menagih simpati orang ramai.

Dalam kaedah pembayaran diat, penjenayah akan menanggung bebanan diat bersama *aqilah*, ini secara tidak langsung telah meletakkan tanggungjawab mencegah jenayah atau kemalangan akibat cuai ke atas bahu penjenayah dan masyarakat atau lebih khusus kepada keluarga terdekat. Perkara ini telah disuarakan oleh bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dalam satu sidang akhbar yang disiarkan oleh Utusan Malaysia pada 27 Oktober 2000 suatu ketika dulu. Dalam

memberi ulasan kepada kejadian amuk yang semakin menjadijadi oleh pesakit mental, beliau berpendapat langkah pencegahan harus datang daripada keluarga pesakit (Utusan Malaysia: 2000).

Kalau ditinjau dari aspek falsafah hukuman, diat adalah satu hukuman yang berupa denda atau pampasan yang amat bertepatan dengan bentuk kesalahan. Ini kerana keslahan membunuh atau mencederakan mangsa bukan sahaja telah menyekat atau menyempitkan rezeki mangsanya tetapi juga akan memberi kesan langsung menyempitkan punca rezeki waris mangsa tersebut. Menilai kesan kesalahannya ini hukuman yang sesuai adalah dengan menyempitkan rezeki mereka pula, iaitu dengan mengambil sejumlah dari harnya (dalam kes kes sengaja), atau harta *aqilah* (dalam kes kes tidak sengaja) dan diberikan kepada mangsa atau waris mangsa.

Membayar denda berupa harta merupakan hukuman yang amat berat kerana mereka terpaksa menyerahkan suatu yang dicintai. Firman Allah (s.w.t) yang bermaksud:

Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak hartabenda yang banyak berpikul-pikul, dari emas dan perak kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah) pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).

Dengan keadaan sedemikian, setiap orang akan lebih berwaspada dalam menjaga keselamatan orang lain kerana harta adalah suatu yang sangat dicintai oleh setiap manusia. Dalam masa yang sama secara tidak langsung kemalangan ini dapat dikurangkan apabila masyarakat mulai peka terhadap tanggungan diat.

Ringkasnya, konsep diat dapat melahirkan sikap positif masyarakat terhadap kemalangan cuai. Setiap individu akan merasa bertanggungjawab menangani masalah tersebut secara bersama. Akhirnya ia akan melahirkan satu tindakan yang berkesan.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah *mix method* iaitu dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah pemilihan responden adalah berdasarkan kepada kaedah *purposive sampling*. Ini kerana pengetahuan terhadap sistem pampasan kemalangan tidak menyeluruh kepada semua orang khususnya sistem diat. Dapatkan yang akan dibentangkan dalam kertas ini adalah berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan di sekitar Lembah Kelang dan Nilai. Secara keseluruhan Cronbach's alpha bagi item kajian adalah mencapai 0.67 iaitu melepas had minimum yang ditentukan.

Dapatan kajian

a. Latar belakang jantina

Dari segi latar belakang jantina seperti mana yang dinyatakan dalam jadual 1 di bawah menunjukkan bahawa bilangan sampel mengikut jenis jantina adalah pecahan yang setara antara lelaki dengan perempuan, iaitu masing-masing sebanyak 16 orang (50%) daripada jumlah keseluruhan sampel seramai 32 orang. Dari segi umur pula, majoriti sampel berumur sekitar 30 hingga 39 tahun dengan 20 orang (62.5%), dan hanya 5 orang (15.6%) berumur antara 40 hingga 49 tahun, diikuti dengan seramai 4 orang (12.5%) berumur bawah 29 tahun serta 3 orang (9.4%) yang berumur 50 tahun ke atas. Kesemua 32 orang sampel ini adalah berbangsa Melayu dan 30 orang (93.8%) merupakan ahli akademik dan 24 orang (75%) kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Jadual 1. Latar belakang sampel mengikut jantina

Pemboleh Ubah	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	16	50
Perempuan	16	50
Umur		
Bawah 29 tahun	4	12.5
30 – 39 tahun	20	62.5
40- 49 tahun	5	15.6
50 tahun ke atas	3	9.4
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Ijazah	3	9.4
Sarjana	20	62.5
PhD	9	28.1
Jumlah	32	100

b. Tahap pengetahuan masyarakat terhadap sistem diat

Adapun untuk mengetahui dan mengukur tahap pengetahuan masyarakat terhadap sistem diat maka perlu dilakukan kajian dengan menyebarkan sampel yang mengandungi beberapa soalan sepetimana tersebut di dalam jadual 2 di bawah ini.

Jadual 2. Pengetahuan Masyarakat Terhadap Sistem Diat

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak
1	Adakah anda tahu sekiranya anda ditimpa kemalangan ketika bekerja anda berhak menuntut gantirugi atau pampasan?	25 (78.1%)	7 (21.9%)
2	Adakah anda tahu dalam Islam, sekiranya anda ditimpa kemalangan kerana kecuaian pihak lain ketika bekerja atau di luar waktu bekerja anda berhak mendapat gantirugi?	25 (78.1%)	7 (21.9%)
3	Adakah anda tahu atau pernah mendengar sistem pampasan	2 (6.2%)	30 (93.8%)

kemalangan berasaskan FBS?			
4	Adakah anda tahu atau pernah mendengar sistem pampasan kemalangan berasaskan NFL?	2 (6.2%)	30 (93.8%)
5	Adakah anda tahu atau pernah mendengar mengenai gantirugi diat?	18 (56.2%)	14 (43.8%)
6	Melalui pembacaan umum	12 (37.5%)	20 (62.5%)
7	Melalui pembacaan secara khusus	9 (28.1%)	23 (71.9%)
8	Melalui seminar khusus dan taklimat	2 (6.2%)	30 (93.8%)
9	Melalui rakan-rakan	0	32 (100%)
10	Lain-lain	0	32 (100%)
11	Adakah anda ingin mengetahui gantirugi diat dengan lebih lanjut?	27 (96.4%)	1 (3.6%)

Mengikut Jadual 2, didapati bahawa kebanyakan responden mengetahui hak mereka untuk memperoleh tuntutan sekiranya berlaku kemalangan semasa bekerja. Begitu juga dengan pernyataan “dalam Islam, sekiranya anda ditimpa kemalangan kerana kecuaian pihak lain ketika bekerja atau di luar waktu bekerja anda berhak mendapat gantirugi” apabila 25 orang (78.1%) menyatakan mereka mengetahuinya. Walau bagaimanapun, apabila ditanya berkenaan sistem pampasan kemalangan berasaskan NFL, majoriti sampel (30 orang atau 93.8%) menyatakan mereka tidak mengetahui berkenaan sistem tersebut. Begitu juga dengan pengetahuan berkenaan gantirugi Diat apabila hanya 18 orang (56.2%) sahaja mengetahuinya. Pengetahuan ini paling banyak diperoleh melalui sumber pembacaan umum dengan 12 orang (37.5%), diikuti dengan pembacaan khusus (9 orang atau 28.1%) dan seminar atau taklimat tertentu (2 orang atau 6.2%). Namun, sampel menunjukkan keinginan untuk mengetahui dengan lebih lanjut apabila 27 orang (96.4%) menyatakan minat mereka.

c. Pandangan masyarakat terhadap tuntutan kemalangan

Tahap keterlibatan masyarakat dalam tuntutan kemalangan adalah perkara yang mesti diambil berat dalam kajian ini. Oleh itu, perlu dilakukan sebaran sampel untuk memperolehi data tersebut. Merujuk kepada jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa majoriti sampel kajian menyatakan mereka tidak pernah terlibat dengan kemalangan jalan raya yang melibatkan tuntutan pampasan apabila 25 orang (78.1%) tidak pernah mengalaminya. Begitu juga yang melibatkan ahli keluarga sampel, iaitu hanya 12 orang (37.5%) menyatakan terdapat ahli keluarga yang pernah mengalaminya dan 20 orang (62.5%) lagi tidak pernah mengalami pengalaman tersebut. Selain itu, sampel juga didapati tidak mengetahui bahawa terdapat skim lain yang boleh memproses tuntutan tersebut selain melalui saluran mahkamah. Ini dibuktikan apabila 26 orang (81.3%) tidak mengetahui tentang kemudahan tersebut. Hal ini mungkin kesan apabila sampel kajian tidak mendapat pendedahan khusus tentang kes keselamatan dan undang-undang jalan raya, iaitu seramai 24 orang (75.0%) mengakui tidak pernah mendapat pendedahan sedemikian. Walau bagaimanapun, keadaan ini mungkin akan berubah apabila majoriti sampel (23 orang atau 82.1%) berminat untuk mengikuti kursus keselamatan jalan raya.

Jadual 3. Pandangan terhadap Tuntutan Kemalangan

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak
1	Adakah anda pernah terlibat dengan kemalangan jalan raya yang melibatkan tuntutan pampasan gantirugi?	7 (21.9%)	25 (78.1%)
2	Adakah keluarga atau sanak saudara anda pernah terlibat dengan kemalangan jalan raya yang melibatkan tuntutan pampasan gantirugi?	12 (37.5%)	20 (62.5%)
3	Adakah anda tahu sama ada terdapat skim lain yang menjadi	6 (18.8%)	26 (81.3%)

	pilihan kepada proses tuntutan gantirugi kemalangan selain melalui saluran mahkamah?		
4	Adakah anda pernah mendapat pendedahan khusus tentang keselamatan dan undang-undang jalan raya?	7 (22.6%)	24 (75.0%)
5	Adakah anda berminat mengikuti kursus keselamatan jalan raya?	23 (82.1%)	5 (17.9%)

d. Keperluan masyarakat terhadap pampasan kemalangan

Isu utama dalam masalah diat adalah pampasan atau ganti rugi. Oleh yang demikian, perlu juga disebarluaskan sampel untuk mengetahui tahap keperluan masyarakat terhadap pampasan kemalangan. Berdasarkan jadual 4 sepertimana tersebut di bawah menunjukkan bahawa mangsa kemalangan jalan raya untuk mendapat pampasan atau gantirugi masing-masing merupakan satu keperluan yang sangat tinggi. Hal ini diikuti dengan keperluan supaya pihak yang bersalah perlu menanggung ganti rugi akibat kecuaian tersebut. Namun, sampel bersetuju (28 orang atau 87.5%) bahawa pihak yang bersalah perlu ditentukan terlebih dahulu dan sekiranya pihak yang bersalah tidak mampu menanggung sepenuhnya jumlah pampasan tersebut, ia perlu ditanggung oleh pihak lain agar mangsa tetap mendapat pembelaan dengan 26 orang (81.3%) menyokong pernyataan ini.

Begitu juga dengan keperluan menyediakan satu tabung khas bagi menampung sebahagian kos ganti rugi yang tidak mampu dibayar oleh pesalah. Keperluan lain yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan dengan nilai pampasan apabila 23 orang (71.9%) berpendapat nilai pampasan yang sedia ada tidak dapat menampung kerugian mangsa. Prosedur tuntutan pampasan dalam sistem sedia ada juga dikatakan (22 orang atau 68.8%) merumitkan kerana melibatkan banyak pihak. Keputusan untuk mendapatkan pampasan kemalangan sangat lama dengan 20 orang (62.5%) menyokong pernyataan ini. Sampel juga berpendapat apabila melibatkan ramai pihak, nilai sebenar yang diperoleh mangsa sangat kecil dengan 19 orang (59.4%)

menyokong pernyataan ini dan bersetuju (15 orang atau 46.9%) bahawa setiap pengguna jalan raya perlu mencarum ke dalam tabung khas. Manakala, keperluan sistem sedia ada mencukupi untuk membela nasib mangsa kemalangan jalan raya pula berada pada tahap sederhana dengan 20 orang (62.5%) menyokong pernyataan ini. Secara keseluruhannya, keperluan masyarakat terhadap pampasan kemalangan adalah tinggi dengan 26 orang (81.3%) bersetuju dengan keperluan ini.

Jadual 4. Keperluan Masyarakat terhadap Pampasan Kemalangan

Bil	Pernyataan	Rendah	Sederhana	Tinggi
1	Mangsa kemalangan jalan raya perlu mendapat pampasan/gantirugi.	0	0	32 (100%)
2	Saya berpendapat sistem yang ada pada hari ini mencukupi untuk membela nasib mangsa kemalangan jalan raya.	6 (18.8%)	20 (62.5%)	6 (18.8%)
3	Pada pandangan saya nilai pampasan yang sedia ada tidak dapat menampung kerugian mangsa.	1 (3.1%)	8 (25.0%)	23 (71.9%)
4	Pada pandangan saya prosedur tuntutan pampasan dalam sistem sedia ada merumitkan kerana melibatkan banyak pihak.	3 (9.4%)	7 (21.9%)	22 (68.8%)
5	Pada pandangan saya keputusan untuk mendapatkan pampasan kemalangan sangat lama.	2 (6.3%)	10 (31.3%)	20 (62.5%)

6	Pada pandangan saya apabila melibatkan ramai pihak nilai sebenar yang boleh didapati oleh mangsa sangat kecil.	1 (3.1%)	12 (37.5%)	19 (59.4%)
7	Adakah anda bersetuju bahawa pihak yang bersalah perlu ditentukan terlebih dahulu.	1 (3.1%)	3 (9.4%)	28 (87.5%)
8	Adakah anda bersetuju bahawa pihak yang bersalah perlu menanggung ganti rugi akibat kecuaianya?	0	2 (6.3%)	30 (93.8%)
9	Adakah anda bersetuju jika pihak yang bersalah tidak mampu menanggung sepenuhnya jumlah pampasan ia perlu ditanggung oleh pihak lain agar mangsa tetap mendapat pembelaan?	2 (6.3%)	4 (12.5%)	26 (81.3%)
10	Adakah anda setuju dalam negara ini perlu ada satu tabung khas disediakan bagi menampung sebahagian kos ganti rugi yang tidak mampu dibayar oleh pesalah?	3 (9.4%)	3 (9.4%)	26 (81.3%)
11	Adakah anda setuju bahawa setiap pengguna jalan raya perlu mencarum ke dalam tabung khas	6 (18.8%)	11 (34.4%)	15 (46.9%)

tersebut?			
Keseluruhan	0	6 (18.8%)	26 (81.3%)

e. Kaedah pelaksanaan sistem diat

Jadual 5 sepetimana tersebut di bawah menunjukkan kaedah pelaksanaan sistem Diat. Tiga kaedah yang dipersetujui oleh semua sampel adalah dengan memudahkan cara dan sistem pelaksanaan pembayaran pampasan, mewujudkan satu undang-undang bertulis yang lengkap berkaitan sistem ini serta memerlukan penglibatan dari semua agensi yang terlibat secara langsung seperti pihak polis, insurans, institusi kewangan dan mahkamah yang berkaitan. Kaedah pelaksanaan juga akan berkesan sekiranya individu yang terlibat dengan sistem ini memiliki kemahiran dan komitmen yang tinggi (31 orang atau 96.9%). Pemahaman dan latihan mendalam kepada mereka yang terlibat, iaitu bermula dari proses tuntutan sehingga kepada proses penghakiman juga perlu dengan 30 orang (93.2%) menyokong kaedah ini. Begitu juga dengan memperincikan mekanisme tuntutan melalui peruntukan perundangan dan meminta pandangan pakar bidang sebelum ia dilaksanakan dengan 29 orang (90.6%) menyokong. Selain itu, memperkasakan institusi insuran yang terlibat (28 orang 87.5%) dan memberi kefahaman menyeluruh kepada orang ramai terlebih dahulu sebelum ia boleh dilaksanakan (24 orang atau 75.0%) antara kaedah yang difikirkan perlu diberi perhatian.

Sebaliknya, kaedah pelaksanaan seperti mewajibkan setiap pengguna jalan raya menggunakan sistem Diat (14 orang atau 43.8%), meminta persetujuan majoriti ramai sebelum ia dilaksanakan (12 orang atau 37.5%), melaksanakannya sebagai peraturan yang perlu dipatuhi tanpa perlu merujuk kepada pandangan orang ramai (11 orang atau 34.4%) dan memberi alternatif kepada pengguna jalan raya sama ada ingin menggunakan sistem Diat atau konvensional (10 orang atau 31.3%) kurang sesuai pada pandangan sampel kajian ini. Namun, didapati semua sampel kajian bersetuju bahawa kaedah pelaksanaan sistem Diat yang berkesan perlu dilaksanakan.

Jadual 5. Kaedah Pelaksanaan Sistem Diat

Bil	Pernyataan	Rendah	Sederhana	Tinggi
1	Meminta persetujuan majoriti ramai sebelum ia dilaksanakan	6 (18.8%)	12 (37.5%)	14 (43.8%)
2	Meminta pandangan pakar bidang sebelum ia dilaksanakan	0	3 (9.4%)	29 (90.6%)
3	Memberi kefahaman menyeluruh kepada orang ramai terlebih dahulu sebelum ia boleh dilaksanakan	0	8 (25.0%)	24 (75.0%)
4	Melaksankannya sebagai peraturan yang perlu dipatuhi tanpa perlu merujuk kepada pandangan orang ramai	10 (31.3%)	11 (34.4%)	11 (34.4%)
5	Mewajibkan setiap pengguna jalan raya menggunakan sistem diat	5 (15.6%)	14 (43.8%)	13 (40.6%)
6	Memberi alternatif kepada pengguna jalan raya sama ada ingin menggunakan sistem diat atau konvensional	4 (12.5%)	10 (31.3%)	18 (56.3%)
7	Memperkasakan institusi insuran yang terlibat	0	4 (12.5%)	28 (87.5%)
8	Memperincikan mekanisme ini melalui perundukan perundangan	0	3 (9.4%)	29 (90.6%)
9	Memberikan pemahaman dan latihan mendalam kepada mereka yang terlibat bermula dari proses	0	2 (6.3%)	30 (93.2%)

	tuntutan sehingga kepada proses pengakiman			
10	Memudahkan cara dan sistem pelaksanaan pembayaran pampasan	0	0	32 (100%)
11	Perlu ada satu undang-undang bertulis yang lengkap berkaitan sistem ini	0	0	32 (100%)
12	Mereka yang terlibat dengan sistem ini perlu memiliki kemahiran dan komitmen yang tinggi	0	1 (3.1%)	31 (96.9%)
13	Perlu wujud penglibatan dari semua agensi yang terlibat secara langsung seperti pihak polis, insurans, institusi kewangan, mahkamah dll yang berkaitan	0	0	32 (100%)
Keseluruhan		0	0	32 (100%)

KESIMPULAN

Secara umum, melalui kajian yang dibuat menunjukkan sebilangan besar masyarakat tidak mengetahui hak mereka secara perundangan boleh menuntut pampasan kemalangan jalanraya. Namun, dalam masa yang sama mereka sangat bersetuju agar mangsa kemalangan diberi pampasan. Disini, pihak yang berwajib seperti pihak polis, JPJ dan Jabatan Pendidikan dengan di sokong oleh media massa perlu memainkan peranan proaktif untuk meluas lebarkan pengetahuan masyarakat. Ia bukan sekadar dapat membantu mangsa menuntut hak mereka tetapi dalam masa yang sama ia akan menjadi *difference* kepada orang ramai untuk melakukan kesilapan dan kecuaian jalan raya.

Suatu yang unik melalui kajian ini ialah kebanyakan responden memberi pandangan tahap sederhana terhadap sistem pampasan sedia ada. Ini memberi ruang kepada kita memikirkan penambahbaikan dalam sistem ini. Walaupun separuh daripada responden tidak memahami konsep diat secara jelas namun dari jawapan mereka secara tidak langsung jelas menunjukkan bahawa mereka sangat bersetuju dengan fakta-fakta yang bercirikan konsep diat. Justeru, konsep diat perlu di ketengahkan ke dalam masyarakat.

Dalam melaksanakan diat sebagai satu sistem perundangan bagi negara, kebanyakan responden kebanyakan responden sangat bersetuju agar usaha ini diambil secara berhati-hati iaitu dengan merujuk pandangan pakar dari pelbagai aspek berkaitan sebelum dilaksanakan, kerajaan juga perlu menyediakan prasarana yang kondusif dari sudut sistem, pelaksanaan dan penguatkuasaan. Sebelum ia dilaksanakan, kerajaan bertanggungjawab untuk memberi kefahaman menyeluruh kepada masyarakat tentang sistem ini.

RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Karim
- Abu al-Hasan al-Malikiy. 1412 H. *Kifayat al-Talib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Butiy. 1390 H. *Rawd al-Murabba'*. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Haditsah.
- Al-Ramly. T.t. *Nihayah al-Muhtaj*. Al-Qahirah: Mustafa al-halabiyy.
- Al-Dar al-Qutniy, Amr bin Syu'aib (t.t) *Sunan al-Dar al-Qutniy*. Tahqiq Sayyid Abd Allah Hasyim al-Yamaniy al-Madaniy. Jil3. Beirut: Dar Ma'rifah.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Manual 2nd edition: A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS for Windows (Version 12)*. United Kingdom: Open University Press.
- Al-Juzary, Abu al-A'adaat Mubarak b Muhammad (1979) *AL-Nihayah Fi Gharib al-Hadis Wa al-Athar*. Beirut. Maktabah al-'Ilmiyyah.

Kamal Jawdah Abu al-Mu'aty (1987) '*Uqubat al-Jinayah 'Ala Ma Duna al-Nafs Fi al-Syari'at al-Islamiyyah*'. Cairo: Dar al-Huda.

Lukman Abdul Mutalib (2004) *Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Utusan Malaysia bertarikh 27-10-2000